

Penerimaan Masyarakat Islam terhadap Wakaf Tunai Pendidikan: Kajian dalam Kalangan Kakitangan Majlis Amanah Rakyat (MARA)

The Muslim Community's Acceptance of Educational Cash Waqf: A Study among Majlis Amanah Rakyat (MARA) Staff

NORUL AZILA ISMAIL

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM
MALAYSIA
nazila@mara.gov.my

HAIRUNNIZAM WAHID

Pusat Pembangunan Inklusif dan Lestari
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM
MALAYSIA
hairun@ukm.edu.my

Kata Kunci:

Wakaf; Wakaf Tunai Pendidikan; Penerimaan Wakaf Tunai; Kakitangan MARA

ABSTRAK

Wakaf dilihat sebagai salah satu instrumen yang dapat membantu meningkatkan pembangunan sosioekonomi serta ekonomi ummah. Hal ini dapat dilihat dengan berlakunya peningkatan inovasi terhadap amalan berwakaf, seperti wakaf tunai, wakaf harta, wakaf bangunan, wakaf kepakaran serta wakaf organ. Walaubagaimanapun, inovasi ini perlulah disokong dengan peningkatan kefahaman masyarakat ke atas wakaf. Ini kerana dengan kefahaman yang betul barulah dapat meningkatkan kesedaran masyarakat untuk berwakaf. Justeru kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana tahap penerimaan kakitangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) berhubung dengan pelaksanaan wakaf yang dijalankan di agensi tersebut. Metodologi kajian yang digunakan adalah berdasarkan kaedah kuantitatif. Kajian berbentuk deskriptif ini dilaksanakan menerusi perolehan maklumat dari 116 responden melalui borang soal selidik yang telah diedarkan secara atas talian dan dianalisis dengan melihat kepada skor min. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan dan kefahaman kakitangan ke atas konsep wakaf adalah pada tahap yang rendah. Diharapkan dapatan dari kajian ini akan dapat membantu dalam meningkatkan pengetahuan serta kefahaman kakitangan seterusnya dapat meningkatkan lagi kutipan wakaf di kalangan kakitangan MARA.

Keywords:

Waqf; Educational
Cash Waqf;
Acceptance of Cash
Waqf; MARA Staff

ABSTRACT

Waqf is seen as one of the tools that can help boost a society's socio-economic development, as well as the community's economy. This can be seen with the rise of innovative waqf practices such as cash waqf, property waqf, construction waqf, ability waqf and organ waqf. This breakthrough, however, needs to be followed by an increase in public awareness on waqf as only those with the right understanding will strengthen their knowledge of waqf. This analysis was therefore undertaken to assess the degree to which employees of the Majlis Amanah Rakyat (MARA) organisation recognise the implementation of waqf carried out in their department. The quantitative approach was employed as the basis of the analysis techniques used. Descriptive research was conducted using a questionnaire that was distributed online to 116 participants in order to obtain their views, and evaluated by looking at the mean scores. The findings showed that the level of awareness and comprehension of MARA employees on the definition of waqf is still poor. The results of this study are hoped to help improve knowledge and understanding of waqf amongst MARA employees and in turn, further increase the collection of waqf amongst them.

Received : June 1, 2021

Accepted : Sept 2, 2021

Online Published : Nov 30, 2021

PENGENALAN

Wakaf adalah suatu bentuk penyerahan harta secara mutlak, di mana harta berkenaan dihentikan dari dijual beli dan hanya hasilnya sahaja yang dimanfaatkan untuk tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus. Dari segi istilah, wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan (Mohd Syakir *et. al*, 2017). Tujuan wakaf ini untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT serta memberi kebajikan kepada orang lain (Syed Muhammad Hilal Azizi *et. al*, 2017). Wakaf merupakan amalan yang digalakkan dalam Islam dalam membelanjakan harta yang dimiliki pada jalan Allah selain daripada sedekah. Walaupun ia bukanlah satu kewajipan sebagaimana diwajibkan pembayaran zakat, wakaf juga amalan yang sangat dituntut berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah Ali-'Imran ayat 92:

“kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa Yang kamu sayangi. dan sesuatu apa jua Yang kamu dermakan maka Sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

Pelbagai jenis wakaf yang wujud pada masa kini. Wakaf dapat menyediakan kemudahan seperti masjid, tempat ibadat, pusat pendidikan, pusat kesihatan, serta kemudahan jalan raya seperti jambatan dan sebagainya (Bahaeddin, 1996). Pelbagai kaedah yang digunakan untuk berwakaf sama ada melalui tunai, harta, tanah, bangunan, kepakaran atau yang terbaru adalah wakaf organ (Siti Nuriatul Husna *et. al*, 2019). Wakaf telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan masyarakat Islam. Selain dari tujuan keagamaan sebagai membina masjid, perkuburan, atau sekolah Islam, wakaf telah menjadi salah satu instrumen yang diterima oleh umat Islam untuk memenuhi keperluan penting dalam pelbagai sektor iaitu pendidikan,

penjagaan kesihatan, pertanian, dan infrastruktur (Ali & Markom, 2020). Konsep wakaf tunai adalah wakaf yang paling mudah untuk dilakukan kerana kaedah ini dilihat lebih praktikal dan mesra pelanggan berbanding wakaf harta tidak alih seperti tanah, rumah atau bangunan (Azri, 2008). Ini sejajar dengan hasil tinjauan literatur yang dilakukan oleh Muhammad Sofiyuddin dan Mohd Zamro (2017) yang mendapati pelaksanaan wakaf tunai sedang melalui fasa pengembangan, di mana masyarakat sudah mula menunjukkan minat untuk berwakaf secara tunai dan terbukti dengan kutipan dana wakaf yang semakin meningkat. Justeru, secara umumnya wakaf tunai merujuk kepada pemberian wakaf melalui wang ringgit. Ia merupakan wang tunai yang dikumpulkan oleh badan pengurusan yang sah untuk dijadikan modal bagi menukar dana kepada harta kekal atau untuk membiayai aktiviti-aktiviti berkaitan wakaf (Azri, 2008). Haslindar Ibrahim *et al.* (2013) menjangkakan pungutan dana daripada wakaf tunai di Malaysia boleh mencecah RM4.3 billion setahun sekiranya setiap warganegara Muslim dewasa mendermakan RM1 sehari atau RM30 sebulan. Pungutan ini mampu menjana banyak peluang untuk pembangunan komuniti Muslim di Malaysia.

Kajian ini lebih memfokuskan kepada wakaf tunai untuk tujuan pendidikan. Di Malaysia, wakaf tunai pendidikan telah mula berkembang selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia yang ingin mengurangkan kebergantungan pendidikan dengan menggunakan dana kerajaan. Wakaf dalam bidang pendidikan adalah pelaburan penting dalam melahirkan insan yang berkualiti. Dari sudut ekonomi, pelaburan ini dapat menghasilkan tenaga-tenaga yang berkeelayakan dan bermutu dan seterusnya dapat menjadi modal bagi pembangunan ekonomi sesebuah negara pada masa hadapan. Institusi wakaf telah banyak menyumbang ke arah pembangunan, ketahanan dan kejayaan masyarakat Islam terutamanya kemampuan institusi tersebut dalam menangani isu pembiayaan pendidikan di institusi pengajian tinggi. Situasi semasa keadaan ekonomi negara yang belum pulih sepenuhnya setelah dunia mengalami kemelesetan ekonomi dan ini memungkinkan berlaku halangan dan cabaran pembiayaan pendidikan dalam kalangan masyarakat. Kredibiliti institusi wakaf dalam menangani isu pembiayaan pengajian tinggi perlu ditingkatkan kerana institusi ini mampu melestarikan ketahanan institusi pendidikan dalam memberikan pendidikan yang terbaik di samping mencapai matlamat mengeluarkan produk yang berkualiti, berpotensi, kreatif dan inovatif. Melalui keyakinan tentang kebolehan potensi wakaf akan menyemarakkan lagi sumbangan dan dana ke arah wakaf pendidikan di Malaysia (Mas Nooraini, 2020)

Sungguhpun penting dan memberi manfaat kepada komuniti Islam khususnya, namun tidak diketahui sejauh penerimaan dan kesedaran masyarakat terhadap wakaf tunai pendidikan. Ini adalah kerana aspek pendidikan merupakan satu pelaburan modal insan dan amat memerlukan satu sumber dana yang tertentu bagi menghasilkan satu modal insan yang berkualiti melalui penyediaan kemudahan serta prasarana atau tenaga pengajar di sesebuah sekolah mahupun di institut pengajian tinggi (Brimley & Garfield, 2008). Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan tujuan spesifik, adalah untuk mengetahui tahap penerimaan wakaf tunai pendidikan dari kalangan kakitangan MARA. Sehubungan dengan huraian di atas, kajian ini tertumpu kepada kakitangan MARA kerana MARA adalah satu agensi yang menyediakan kemudahan pembiayaan untuk pelajar-pelajar menyambung pengajian ke peringkat pendidikan tinggi di mana perbelanjaan yang diperlukan untuk menyambung pengajian adalah amat besar dan MARA tidak boleh bergantung kepada dana yang disalurkan oleh kerajaan semata-mata untuk membiayai pelajar yang meningkat dengan banyak saban tahun. MARA sendiri telah melancarkan tabung wakaf yang diberi nama Tabung Warisan MARA (TWR) pada 26 Jun 2012 bagi keperluan anak Melayu dan kaedah wakaf yang dilaksanakan adalah secara potongan gaji kepada kakitangan sebanyak RM10 sebulan dan tidak diwajibkan untuk semua kakitangan.

Kakitangan yang berhasrat untuk berwakaf perlu mengisi borang sebagai persetujuan untuk proses potongan gaji bulanan.

Walau bagaimanapun, tidak diketahui sejauh mana tahap pengetahuan atau penerimaan kakitangan MARA terhadap wakaf tunai pendidikan yang dilaksanakan ini walaupun ia telah lama dilancarkan sejak tahun 2012. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat beberapa aspek demografi responden seperti pendapatan, gred jawatan atau ukuran lain yang dijangkakan mempengaruhi tahap penerimaan TWR. Justeru objektif kajian secara spesifiknya adalah: (1) mengkaji tahap penerimaan kakitangan MARA terhadap amalan wakaf tunai; (2) mengkaji medium promosi yang sesuai untuk menyampaikan maklumat wakaf tunai; (3) mengkaji penerimaan kakitangan MARA terhadap amalan wakaf tunai mengikut kumpulan pendapatan dan gred jawatan.

KAJIAN LITERATUR

Kesedaran serta kefahaman masyarakat dalam sesuatu perkara merupakan tunggak atau asas kepada kejayaan sesebuah Negara di dalam pembangunan ekonomi. Ini kerana masyarakat sebagai penduduk di sesebuah Negara bertindak selaku agen ekonomi. Berdasarkan pengalaman Yayasan Wakaf Malaysia ketika menganjurkan Festival Pembangunan Ekonomi Islam di Mid Valley Exhibition Centre, Kuala Lumpur pada 22 hingga 26 Januari 2009, mereka mendapati bahawa masyarakat masih lemah dalam pengetahuan mengenai konsep wakaf serta potensinya dalam membangunkan tahap sosio-ekonomi ummah. Malah, kesedaran masyarakat mengenai ganjaran pahala yang diperolehi dari amalan ini juga masih rendah (Azri, 2008). Dalam kajian yang dijalankan oleh Fathullah dan Jasni (2017) menyatakan bahawa rata-rata negara ASEAN mengiktiraf wakaf tunai sebagai salah satu produk daripada harta wakaf. Ini kerana tidak semua harta dalam bentuk harta tanah boleh dimiliki untuk kegunaan rakyat Islam hari ini. Tahap kecairan tunai itu sendiri amat diperlukan untuk tujuan pengurusan infrastruktur dan sumber manusia secara lebih berkesan dan bersistematik. Oleh itu melalui wakaf tunai, bantuan kewangan dapat dihasilkan dan amat kompeten untuk memajukan lagi ekonomi umat Islam melalui peranan yang aktif oleh pihak kerajaan (Adnin & Asmak, 2021).

Secara teori dan konsep, wakaf tunai mempunyai peluang yang unik untuk menjana pelaburan dalam bidang keagamaan, pendidikan, kesihatan, kebajikan sosial serta untuk perkembangan industri kecil dan sederhana. Wakaf tunai ditakrifkan sebagai produktif jika dapat menghasilkan dana yang bermanfaat kepada kesejahteraan sosial serta dimanfaatkan untuk kepentingan ekonomi masyarakat (Fahmi, 2010). Tahap kefahaman masyarakat perlulah diambil berat dalam menjayakan sesuatu objektif. Tahap kefahaman pengguna berkaitan institusi wakaf masih berada di tahap sederhana (Afendi, 2012). Ini membuktikan masyarakat masih belum sedar nilai sebenar institusi wakaf. Masih terdapat lagi golongan yang keliru di antara wakaf dan sedekah sedangkan kedua-duanya mempunyai perbezaan serta konsepnya yang tersendiri. Ini dibuktikan oleh kajian oleh Ahmad Fatin *et al.* (2017) dalam kajian mereka berbentuk deskriptif yang dilaksanakan menerusi perolehan maklumat daripada 117 responden di Selangor mendapati pemahaman masyarakat mengenai institusi wakaf masih berada pada tahap sederhana. Masyarakat masih lagi keliru tentang makna wakaf dan masih tidak dapat membezakan di antara wakaf dan sedekah. Kajian oleh Noor Hidayah *et. al.* (2020) mengkaji pengaruh peletakan pasaran terhadap wakaf pendidikan iaitu imej, kuantiti dan personaliti IPT. Hasil kajian tersebut mendapati faktor imej dan personaliti mempengaruhi secara signifikan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi.

Muhammad Sofiyuddin dan Mohd Zamro (2017) juga menyatakan bahawa hasil tinjauan literatur kajian mereka mendapati tahap pemahaman umat Islam berkaitan wakaf tunai masih rendah dan beberapa cadangan telah diutarakan dalam kajian mereka antaranya organisasi wakaf di Malaysia perlu lebih berinovasi dalam menguruskan dana wakaf yang terkumpul. Dana yang diperoleh bukan sekadar untuk diagihkan tetapi turut dikembangkan melalui sektor yang sedang membangun di Malaysia seperti sektor pendidikan, pelancongan, pertanian dan agrikultur. Menerusi perluasan skop ini membolehkan sektor wakaf lebih maju dan mampu membangunkan dan mengembangkan dana wakaf kepada hasil yang lebih optimum untuk keperluan umat Islam.

Cabaran kewangan yang memberi kesan kepada ramai orang Islam mempunyai kesan negatif terhadap kehidupan masyarakat menyebabkan majoriti masyarakat tidak mampu untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi dalam kehidupan harian. Wakaf tunai termasuk antara mekanisma yang dapat mengurangkan kemiskinan selain sedekah dan dana awam. Walau bagaimanapun, kajian mendapati antara faktor yang menjadi penghalang dalam pengumpulan data-data tersebut adalah kurang kesedaran, kedekut dan bersifat mementingkan diri, pengaruh politik dalam pengurusan, kepincangan pelaksanaan serta ketidaksediaan negara Islam dalam melaksanakannya (Yusuff & Nor Azizan 2013). Wakaf tunai disasarkan untuk menjadi satu pilihan yang berkesan untuk program pembasmian kemiskinan dimana kepentingan wakaf tunai tersebut semakin diakui oleh kebanyakan pihak.

Terdapat juga persepsi yang salah di kalangan umat Islam bahawa endowmen wakaf hanya boleh dalam bentuk tanah dan bukan tunai. Walaupun wakaf tidak disebut secara langsung dalam al Quran, tetapi konsep pengagihan sangat ditekankan. Agihan kekayaan merupakan kunci utama dalam ekonomi moden untuk menjadikan ia lebih dinamik, bebas prejudis dan semangat keusahawanan serta merupakan satu amalan kontemporari terbaik dalam sistem wakaf dari segi konsep dan prinsip-prinsipnya (Chowdhury *et al.* 2011). Ahmad Zaki *et al.* (2008) yang menyatakan bahawa pemasaran adalah faktor kritikal bagi kejayaan pembangunan harta wakaf pendidikan negara. Kegagalan mengurus pemasaran dengan baik sudah pasti menyebabkan masalah kefahaman sempit masyarakat dan kurang sambutan mengenai wakaf pendidikan tidak dapat diatasi kerana kurangnya sumber maklumat. Rumusannya, kejayaan sebenar institusi wakaf adalah bergantung kepada kefahaman dan pengetahuan yang jelas mengenai peranan serta matlamatnya oleh masyarakat. Fakta ini menyokong kajian oleh Hassan *et.al.* (2021) mendapati bahawa faktor promosi dan pengetahuan adalah signifikan dan positif berkaitan dalam memberi kesedaran dan pemahaman mengenai pemberian wang tunai. Ini menunjukkan bahawa masyarakat tertentu mempunyai persepsi yang baik mengenai wakaf tunai. Aspek promosi dan pengetahuan mengenai wakaf tunai sangat penting dalam meningkatkan kesedaran mengenai wakaf tunai. Kurangnya promosi kemungkinan akan menjelaskan tentang rendahnya kesedaran Malaysia mengenai wakaf tunai.

Beberapa isu dan cabaran pelaksanaan wakaf tunai perlu dikaji semula untuk membuka potensi wakaf. Terdapat beberapa cadangan iaitu pihak pemerintah dapat mempertimbangkan perundangan wakaf yang tepat dalam bentuk (1) undang-undang khusus untuk wakaf; (2) melaksanakan peraturan dan dasar pengurusan yang baik yang mendapat manfaat terbaik mengikut amalan global; (3) aset wakaf yang diuruskan oleh kumpulan pakar profesional yang berkecualan oleh melaksanakan strategi pelaburan terkini, moden dan inovatif; (4) mewujudkan sebuah persekitaran untuk inovasi teknologi seperti blockchain untuk pengurusan wakaf. Oleh itu, kerjasama dan kerjasama dari semua pihak yang berkepentingan adalah penting untuk memanfaatkan sepenuhnya manfaat wakaf tunai. Sangat penting untuk dapat dan

bersedia untuk berubah dan menyesuaikan amalan dan dasar terbaik untuk pelaksanaan yang lebih baik pembangunan sektor wakaf di Malaysia (Ali & Markom, 2020)

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Persampelan

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik secara atas lian menggunakan *google form* untuk mengumpul maklumat dan respons daripada responden terhadap penerimaan konsep wakaf tunai pendidikan. Sampel kajian adalah kakitangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang bertugas di seluruh Malaysia dengan menggunakan kaedah pensampelan secara rawak mudah. Kajian ini berjaya mengumpulkan sampel sebanyak 116 orang untuk dianalisis. Soalan dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat Latar Belakang Responden. Bahagian B: Medium Promosi Berwakaf. Bahagian C: Pengetahuan dan Penerimaan Berwakaf. Bahagian D: Persepsi Terhadap Wakaf Tunai Pendidikan. Bahagian E: Komen dan Cadangan menggunakan lima skala pilihan iaitu daripada skala 1 bermaksud “Sangat Tidak Setuju” hingga skala 5 bermaksud “Sangat Setuju”.

Kaedah Analisis Data

Analisis data dilakukan dengan menggunakan analisis diskriptif yang meliputi nilai kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ralat piawai. Skor minimum adalah nilai purata yang mewakili pelbagai nilai dan merupakan kaedah pengukuran kecenderungan pusat. Nilai min digunakan untuk menjelaskan tahap persetujuan oleh responden dan dibaca bersama dengan sisihan piawai untuk menentukan tahap persetujuan mengenai perkara yang dibangkitkan dalam soalan. Bagi skala lima mata, Skala Tahap Kebersetujuan yang kurang daripada 2.4 adalah “Rendah”; 2.5 – 3.20 adalah “Sederhana” dan akhir sekali lebih daripada 3.2 adalah “Tinggi” dengan merujuk kepada kajian oleh Bahril Balli & Wahid Razzaly (2011).

HASIL KAJIAN

Berdasarkan Jadual 1, majoriti responden yang ditemubual adalah terdiri daripada perempuan (53.5%), berumur 31 tahun hingga 40 tahun (54.4%), berkahwin (73%), berpendidikan Sarjana Muda (35.1%), anggaran pendapatan RM4,361 hingga RM9,619 (64.0%) yang merupakan golongan M40, dan bergred jawatan 29 dan ke bawah (43%).

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Latar Belakang	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	53	46.5
Perempuan	61	53.5
Umur		
21 – 30 tahun	10	8.8
31 – 40 tahun	62	54.4
41 – 50 tahun	33	28.9

51 tahun dan ke atas	9	7.9
Status Perkahwinan		
Bujang	27	23.7
Berkahwin	73	64.0
Duda/Janda	14	12.3
Pendidikan akademik tertinggi		
SPM dan ke bawah	10	8.8
STPM/Diploma/Matrikulasi	38	33.3
Sarjana Muda	40	35.1
Sarjana dan ke atas	26	22.8
Anggaran Pendapatan		
RM4,360 dan ke bawah	27	23.7
RM4,361-RM9,619	73	64.0
RM9,620 dan ke atas	14	12.3
Gred Jawatan		
Gred 29 dan ke bawah	49	43.0
Gred 30-41	33	28.9
Gred 42-51	27	23.7
Gred 52 dan ke atas	5	4.4

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik

Jadual 2 menunjukkan majoriti responden tidak mengetahui tentang kewujudan Wakaf Tunai di MARA iaitu sebanyak 82.5 peratus dan majoriti responden tidak membuat sumbangan untuk wakaf tunai (87.7%). Walau bagaimanapun kajian mendapati kebanyakan responden menunaikan tanggungjawab yang wajib iaitu membayar zakat pendapatan yang merangkumi hampir 71.1 peratus berbanding yang tidak membayar sebanyak 28.9 peratus.

Jadual 2: Zakat dan Wakaf

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Membayar zakat pendapatan		
Ya	81	71.1
Tidak	33	28.9
Pengetahuan Wakaf Tunai		

Ya	20	17.5
Tidak	94	82.5
Membayar Wakaf Tunai		
Ya	14	12.3
Tidak	100	87.7

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik

Berdasarkan Jadual 3 pula, kajian mendapati responden lebih berminat kepada medium promosi melalui laman sesawang/media sosial. Ini ditunjukkan dengan nilai min tertinggi iaitu 3.74. Manakala sebaliknya medium yang paling kurang diminati ialah melalui penyampaian oleh rakan sekeliling (3.20). Medium laman sesawang juga merupakan medium yang paling tinggi responden terdedah (2.90) manakala medium yang paling kurang terdedah juga adalah melalui penyampaian oleh rakan sekeliling (2.61). Namun begitu, perbezaan GAP medium menunjukkan penyampaian melalui rakan adalah berada tahap pertama disebabkan nilai GAP yang paling kecil antara medium diminati berbanding medium terdedah. Namun begitu kajian ini dapat merumuskan medium penyampaian maklumat melalui laman sesawang adalah medium yang terbaik dalam menyampaikan maklumat secara meluas.

Jadual 3: Medium Promosi Wakaf Tunai

Bil.	Medium Promosi	Medium diminati	Medium terdedah	GAP ¹	Rank
1.	Cerita rakan	3.20	2.61	0.59	1
2.	Laman sesawang/ Media Sosial	3.74	2.90	0.83	4
3.	Akhbar	3.46	2.70	0.75	3
4.	Televisyen	3.68	2.74	0.94	5
5.	Radio	3.61	2.62	0.98	6
6.	Lain-lain	3.24	2.62	0.61	2

Nota: ¹ Nilai purata medium diminati– nilai purata medium terdedah. Semakin kecil nilai menghampiri 0, medium promosi adalah baik dan sebaliknya.

Jadual 4: Perbandingan Nilai Min Faktor dengan Pendapatan Responden

Faktor	N	Nilai Min	Tahap ¹	Sisihan Piawai
(1) Faktor Promosi				
RM4,360 dan ke bawah	27	4.04	Tinggi	0.524
RM4,361-RM9,619	73	4.00	Tinggi	0.459
RM9,620 dan ke atas	14	4.09	Tinggi	0.507
Keseluruhan	114	4.02	Tinggi	0.477
(2) Faktor Pengetahuan & Penerimaan Berwakaf				
RM4,360 dan ke bawah	27	3.41	Sederhana	0.678
RM4,361-RM9,619	73	3.30	Sederhana	0.730
RM9,620 dan ke atas	14	3.40	Sederhana	0.715
Keseluruhan	114	3.34	Sederhana	0.712
(3) Faktor Persepsi Wakaf Tunai Pendidikan				
RM4,360 dan ke bawah	27	4.05	Tinggi	0.575
RM4,361-RM9,619	73	3.90	Tinggi	0.682
RM9,620 dan ke atas	14	4.18	Tinggi	0.541
Keseluruhan	114	3.97	Tinggi	0.645

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik

Jadual 4 menunjukkan tahap penilaian responden berdasarkan nilai purata min bagi setiap faktor. Nilai min berada pada tahap tinggi bagi pendapatan RM4,360 dan ke bawah ($M = 4.04$, $SD = .524$, $n = 27$), RM4,361-RM9,619 ($M = 4.09$, $SD = .459$, $n = 73$) dan RM9,620 dan ke atas ($M = 4.09$, $SD = .507$, $n = 14$). Bagi faktor kedua pula, hasil kajian menunjukkan pendapatan RM4,360 dan ke bawah ($M = 3.41$, $SD = .678$, $n = 27$) berada pada tahap sederhana. Pendapatan RM4,361-RM9,619 ($M = 3.30$, $SD = .703$, $n = 73$) juga berada di tahap sederhana dan nilai min bagi pendapatan RM9,620 dan ke atas ($M = 3.40$, $SD = .715$, $n = 14$) berada pada tahap sederhana. Nilai min bagi faktor persepsi wakaf tunai pendidikan bagi pendapatan RM4360 dan ke bawah ($M = 4.05$, $SD = .575$, $n = 27$) adalah ditahap tinggi. RM4,361-RM9,619 ($M = 3.90$, $SD = .682$, $n = 73$) juga ditahap tinggi. Pendapatan bagi RM9,620 dan ke atas ($M = 4.18$, $SD = .541$, $n = 14$) juga berada ditahap tinggi. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa faktor promosi ($M = 4.02$, $SD = .477$, $n = 114$) merupakan faktor pada tahap paling tinggi berbanding faktor pengetahuan & penerimaan berwakaf ($M = 3.34$, $SD = .712$, $n = 114$) dan faktor persepsi wakaf tunai pendidikan ($M = 3.97$, $SD = .645$, $n = 114$).

Jadual 5: Perbandingan Nilai Min Faktor dengan Pembayaran Wakaf Tunai

Faktor	N	Nilai Min	Tahap ¹	Sisihan Piawai
(1) Faktor Promosi				
Ya	14	4.27*	Tinggi	0.338
Tidak	100	3.99*	Tinggi	0.485
Keseluruhan	114	4.02	Tinggi	0.477
(2) Faktor Pengetahuan & Penerimaan Berwakaf				
Ya	14	3.89*	Tinggi	0.513
Tidak	100	3.26*	Sederhana	0.704
Keseluruhan	114	3.34	Sederhana	0.712
(3) Faktor Persepsi Wakaf Tunai Pendidikan				
Ya	14	4.14	Tinggi	0.627
Tidak	100	3.94	Tinggi	0.646
Keseluruhan	114	3.97	Tinggi	0.645

Nota: ¹Skala Skor Min; < 2.40; Rendah; 2.41-3.80; Sederhana; >3.81 Tinggi (Bahril Balli & Wahid Razzaly (2011))

* Signifikan pada aras keertian 5%

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik

Jadual 5 pula menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi faktor-faktor penerimaan responden. Dapatan kajian menunjukkan responden yang membayar wakaf tunai ($M = 4.27$, $SD = .338$, $n = 14$) bagi faktor promosi berada pada aras yang tinggi dan mempunyai perbezaan nilai min yang signifikan antara faktor promosi dengan membayar wakaf tunai. Responden yang tidak membayar wakaf tunai ($M = 3.99$, $SD = .485$, $n = 100$) bagi faktor promosi juga berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi responden yang tidak membayar wakaf tunai bagi faktor promosi. Faktor promosi secara keseluruhannya berada di tahap tinggi dengan nilai min 4.02 ($M > 3.81$). Faktor pengetahuan & penerimaan berwakaf dengan membayar wakaf tunai ($M = 3.89$, $SD = .513$, $n = 14$) juga berada di tahap yang tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor pengetahuan & penerimaan berwakaf dengan membayar wakaf tunai. Tahap bagi tidak membayar wakaf tunai untuk faktor kedua ($M = 3.26$, $SD = .704$, $n = 100$) pula ialah sederhana. Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor pengetahuan & penerimaan berwakaf dengan tidak membayar wakaf tunai. Faktor pengetahuan & penerimaan berwakaf berada pada tahap sederhana pada keseluruhannya dengan nilai min

3.34 (M 2.41 - 3.80). Hasil dapatan bagi faktor ketiga untuk responden yang membayar wakaf tunai (M = 4.14, SD = .627, n = 14) adalah berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah. Faktor persepsi wakaf tunai pendidikan untuk responden yang tidak membayar wakaf tunai (M = 3.94, SD = .646, n = 100) juga berada di tahap yang tinggi. Tiada perbezaan yang signifikan antara faktor persepsi wakaf tunai pendidikan dengan tidak membayar wakaf tunai. Faktor persepsi wakaf tunai pendidikan secara keseluruhannya berada di tahap tinggi dengan nilai min 4.02 (M > 3.81).

Jadual 6: Perbandingan Nilai Min Faktor dengan Gred Jawatan Responden

Faktor	N	Nilai Min	Tahap¹	Sisihan Piawai
(1) Faktor Promosi				
Gred 29 dan ke bawah	49	4.07	Tinggi	0.502
Gred 30-41	33	4.02	Tinggi	0.473
Gred 42-51	27	3.92	Tinggi	0.416
Gred 52 dan ke atas	5	4.20	Tinggi	0.600
Keseluruhan	114	4.02	Tinggi	0.477
(2) Faktor Pengetahuan & Penerimaan Berwakaf				
Gred 29 dan ke bawah	49	3.42	Sederhana	0.637
Gred 30-41	33	3.30	Sederhana	0.791
Gred 42-51	27	3.15	Sederhana	0.764
Gred 52 dan ke atas	5	3.72	Sederhana	0.335
Keseluruhan	114	3.34	Sederhana	0.712
(3) Faktor Persepsi Wakaf Tunai Pendidikan				
Gred 29 dan ke bawah	49	3.96	Tinggi	0.609
Gred 30-41	33	3.97	Tinggi	0.753
Gred 42-51	27	3.96	Tinggi	0.588
Gred 52 dan ke atas	5	4.20	Tinggi	0.660
Keseluruhan	114	3.97	Tinggi	0.645

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik

Jadual 6 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi faktor dengan gred jawatan responden. Dapatan kajian bagi faktor promosi menunjukkan bahawa, tahap nilai min bagi gred 29 dan ke bawah (M = 4.07, SD = .502, n = 49), Gred 30-41 (M = 4.02, SD = .473, n = 33), Gred 42-51 (M = 3.92, SD = .416, n = 27) dan Gred 52 dan ke atas (M = 4.20, SD = .600, n = 5) berada di tahap tinggi. Faktor promosi secara keseluruhannya berada di tahap tinggi dengan nilai min 4.02 (M > 3.81). Faktor pengetahuan & penerimaan berwakaf bagi gred 29 dan ke bawah (M = 3.42, SD = .637, n = 49), Gred 30-41 (M = 3.30, SD = .791, n = 33), Gred 42-51 (M = 3.15, SD = .764, n = 27) dan Gred 52 dan ke atas (M = 3.72, SD = .712, n = 5) berada di tahap sederhana. Faktor pengetahuan & penerimaan berwakaf pada keseluruhannya berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.34 (M; 2.41 - 3.80). Dapatan kajian bagi faktor ketiga menunjukkan tahap bagi gred 29 dan ke bawah (M = 3.96, SD = .609, n = 49), Gred 30-41 (M = 3.97, SD = .753, n = 33), Gred 42-51 (M = 3.96, SD = .588, n = 27) dan Gred 52 dan ke atas (M = 4.20, SD = .660, n = 5) berada di tahap tinggi. Nilai min bagi faktor persepsi wakaf tunai pendidikan secara keseluruhannya berada di tahap tinggi dengan nilai min 4.02 (M > 3.81). Hasil kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa faktor promosi berada pada tahap paling tinggi berbanding faktor pengetahuan & penerimaan berwakaf dan faktor persepsi wakaf tunai pendidikan.

Jadual 7: Maklumbalas Cadangan Penambahbaikan Tabung Warisan MARA

Responden	Maklum balas Cadangan dan Penambahbaikan
Responden 5	<i>...Perlu lebih promosi kepada kakitangan MARA terutamanya kakitangan baru...</i>
Responden 6	<i>...Perlu diperkasakan program promosi terhadap tabung ini agar semua orang faham dengan kewujudannya...</i>
Responden 14	<i>...Perlu pertambahan sesi penerangan mengenai perancangan inisiatif program tersebut...</i>
Responden 17	<i>...Tabung baik jika boleh membantu pendidikan anak2 golongan asnaf dan pelajar2 tahfiz yang ingin melanjutkan pendidikan agama ke luar negara...</i>
Responden 21	<i>...Sistem tadbir urus yg baik diperlukan...</i>
Responden 25	<i>...Aktifkan penglibatan aktiviti tabung warisan MARA...</i>
Responden 49	<i>...Penambahbaikan hebahan/promosi kerana tidak semua staf maklum kewujudan tabung ini...</i>
Responden 51	<i>...Maklumat berkaitan program, tujuan, perlaksanaan, kaedah dll perlu jelas dan diyakini...</i>
Responden 52	<i>...Perlu dipromosi dengan lebih mantap untuk keyakinan penyumbang untuk menyumbang...</i>
Responden 69	<i>...Pertingkatkan ketelusan aliran kewangan kepada staf melalui hebahan laporan audit secara berkala bg mengelakkan salah guna kewangan oleh pihak berkepentingan...</i>
Responden 97	<i>...Tabung Warisan wajar di perkenalkan untuk membantu anak bangsa apabila Dana daripada Kerajaan makin berkurangan...</i>
Responden 97	<i>...Pengurus dana perlu menunjukkan keseriusan pengurusan dana yang efisien dan professional...</i>
Responden 103	<i>...Sentiasa kemaskini status semasa Tabung Warisan MARA khususnya kepada penyumbang...</i>
Responden 113	<i>...Perlu diuruskan secara profesional dengan kempen yg lebih hebat dan menyeluruh bukan setakat di pentas2 shj dan majlis rasmi...</i>
Responden 115	

Sumber: Berdasarkan maklumat soal selidik

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Hasil dan penemuan kajian yang telah dijalankan ini disokong oleh kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini oleh Afendi (2012), Ahmad Fatin *et al.* (2017) dan Muhammad

Sofiyuddin dan Mohd Zamro (2017) bahawa tahap pengetahuan dan pemahaman masyarakat masih lagi di tahap rendah dan sederhana. Peranan wakaf adalah sangat signifikan dalam kehidupan manusia. Selain dapat membantu dalam peningkatan sosioekonomi serta mengurangkan masalah kemiskinan masyarakat Islam, ia juga dapat membantu pewakaf melakukan amal jariah yang ganjarannya amat besar di sisi Allah SWT. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda,

“Apabila mati anak Adam maka terputus segala amalan di dunia melainkan tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu pengetahuan yang bermanfaat dan anak yang soleh yang mendoakannya” (Hadis riwayat Muslim).

Berdasarkan hadis ini, pewakaf yang berwakaf akan beroleh ganjaran pahala berpanjangan menerusi sedekah jariah yang dilakukan di dunia. Pihak yang terlibat perlu meningkatkan lagi usaha dalam memberi pemahaman dan kesedaran kepada seluruh masyarakat agar semua pihak dapat memahami kepentingan wakaf yang diwujudkan ini bukan sahaja dapat membantu memudahkan urusan duniawi, malah ia juga penting untuk bekalan di akhirat.

Badan yang telah dilantik dan dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dana wakaf harus mempergiatkan lagi promosi untuk menyebarkan maklumat tentang wakaf tunai yang dijalankan. Ramai kakitangan MARA yang masih belum mendapat maklumat tentang wakaf tunai yang dilaksanakan di MARA walaupun telah ada surat edaran yang dikeluarkan untuk hebahan semua kakitangan. Kelemahan medium promosi sama ada di media cetak dan elektronik khususnya menyebabkan masyarakat kurang mendapat pendedahan tentang maklumat yang berkaitan. Ini menyokong kajian oleh Hassan *et.al.* (2021) yang berpendapat medium penyampaian maklumat wakaf tunai masih di tahap yang rendah. Hasil kajian ini menunjukkan medium penyebaran secara mulut melalui rakan-rakan masih mendominasi kaedah yang digemari oleh responden berbanding medium yang lain. Ramai yang masih tidak mahu memahami tentang kepentingan berwakaf walaupun ada segelintir yang mengetahui tentang wakaf tunai ini. Promosi secara bersemuka seperti ceramah dilihat lebih efektif berbanding secara iklan di media cetak dan elektronik. Ini kerana terdapat sesi soal jawab di antara pewakaf dan badan yang dilantik untuk menguruskan wakaf atau individu yang lebih arif tentang kepentingan wakaf. Kempen serta pertandingan bertujuan untuk menghebahkan tentang kewujudan wakaf tunai ini harus dipergiat agar kakitangan MARA memandang serius kepada objektif pelaksanaan wakaf ini (Hassan *et.al.* 2021)

Dana perlu diuruskan oleh orang yang diyakini dan mempunyai latar belakang yang baik. Ini adalah penting untuk meyakinkan bahawa dana yang dikumpul akan dialirkan ke tempat yang sepatutnya. Ini dapat menangkis segala persepsi buruk yang sering ditujukan kepada badan pengurusan wakaf. Ketelusan aliran kewangan perlu dipertingkatkan melalui hebahan laporan audit secara berkala kepada semua kakitangan bagi mengelakkan salah guna kewangan oleh pihak berkepentingan. Langkah ini juga dapat menarik minat dan dapat meyakinkan kakitangan untuk melibatkan diri dalam program wakaf yang dianjurkan. Penyediaan laporan kewangan pengurusan wakaf secara professional, telus dan komprehensif amat penting bagi meningkatkan keyakinan pewakaf untuk terus menyumbang kepada dana ini (Ali & Markom, 2020).

Walau bagaimanapun, tanpa semua pihak, pelbagai langkah yang dilakukan mungkin tidak akan berjaya dilaksanakan sepenuhnya. Pengetahuan mengenai ilmu agama yang mencukupi dapat menanam niat dan keazaman dalam diri individu untuk melakukan amal jariah sebagai bekalan di akhirat. Seterusnya, niat yang baik akan menjurus kepada pelaksanaan wakaf tunai

secara tidak langsung. Banyak kajian yang telah mengkaji mengenai niat terhadap gelagat individu antaranya Hairunnizam *et al.* (2007) serta Ram *et al.* (2010). Kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada semua pihak dalam meningkatkan mutu serta prestasi kerana wakaf tunai merupakan instrumen yang penting dalam meningkatkan kebajikan serta mengurangkan kemiskinan di mana ianya mampu dilakukan oleh semua lapisan masyarakat dan tidak terhad kepada golongan kaya sahaja (Nadiah *et. al*, 2015). Faktor yang lain yang dikenalpasti seperti sumbangan dana wakaf tunai mengikut tingkat pendapatan menunjukkan perbezaan yang amat signifikan mengikut kumpulan pendapatan seperti T20, M40 dan B40. Keadaan ini juga akan terkait dengan gred jawatan yang disandang dalam sesebuah organisasi yang mana gred jawatan yang tinggi akan menghasilkan kecenderungan berwakaf lebih tinggi berbanding gred jawatan yang rendah. Ini disebabkan oleh wujudnya korelasi antara gred jawatan dengan tahap pendapatan seseorang pekerja.

KESIMPULAN

Kesedaran menunaikan wakaf tunai bertujuan pendidikan masih lagi rendah dalam kalangan masyarakat Islam. Ini mungkin disebabkan berwakaf yang merupakan sumbangan sukarela masih dianggap tidak penting walaupun dalam Islam dijelaskan pahalanya yang berpanjangan dan berkekalan. Namun masyarakat Islam masih mengekalkan pembayaran zakat pendapatan yang merupakan sumbangan yang wajib di tahap yang tinggi. Promosi menunaikan wakaf tunai pendidikan oleh MARA perlu dipergiatkan lagi dari masa ke semasa untuk menyedarkan masyarakat Islam amnya dan kakitangan MARA khususnya agar terus menyumbang agar perkembangan bidang pendidikan di negara ini dapat diperkasakan melalui dana wakaf dan tidak semata-mata bergantung kepada sumbangan dana oleh pihak kerajaan. Kumpulan sasar yang perlu diberi perhatian untuk berwakaf dan perlu terfokus seperti golongan yang berpendapatan rendah dan gred jawatan yang rendah kerana mereka berkemungkinan tidak memperolehi maklumat yang lengkap dan sempurna untuk menunaikan sumbangan wakaf ini.

RUJUKAN

- Adnin Ibrahim & Asmak Ab Rahman (2021) Peranan Ijtihad Jama'i Dalam Pembentukan Skim Wakaf Tunai di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 23(1), 53-70
- Afendi Mat Rani (2012). *Peranan Institusi Keagamaan Dalam Membangun Ekonomi Ummah*: Shah Alam: Universiti Teknologi Mara
- Ahmad Fatin Mohamad Suhaimi, Safura Ahmad Sabri, Mohammad Aizham Mohammad Kassim & Hazlin Falina Rosli (2017) Tahap Kefahaman Mengenai Wakaf: Kajian Kes di Selangor. Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)
- Ahmad Zaki Abd. Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman & Norzaidi Mohd Daud. (2008). *Wakaf Pengurusan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UITM
- Ali, Nurwajihah Ajlaa and Markom, Ruzian (2020) The challenges in implementing cash waqf in Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6 (2)
- Azri Ahmad. (2008). Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai oleh Yayasan Wakaf Malaysia. *Jurnal Pengurusan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)* 2: 88-97
- Bahaeddin Yediyildiz. (1996). The Habitable Town and The Turkish Waqf System. Kertas Kerja dibentangkan di HABITAT II, United Nation di Istanbul, Turki, 12hb April 1996
- Bahril B. Balli & Wahid Razzaly. (2011). Instrumen Penilaian Bagi Pengiktirafan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (PPPT) Dalam Konteks Pembelajaran Sepanjang Hayat:

- Trasnformasi Pendidikan Politeknik Di Malaysia. Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Dan Inovasi Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional, 19
- Brimley, V.J & Garfield, R.R. (2008). *Financing Education in a Climate of Change*. 10th edition. United States: Pearson
- Chowdhury, Md. Shahedur Rahaman, Ghazali, Mohd Fahmi and Ibrahim, Mohd Faisol (2011) Economics of Cash Waqf management in Malaysia: A proposed Cash Waqf model for practitioners and future researchers, *African Journal of Business Management* 5(30): 12155- 12163.
- Fahmi Medias (2010) Wakaf produkrif dalam perspektif ekonomi Islam, *Jurnal Ekonomi Islam* IV(1): 69-84.
- Fathullah Al Haq Muhamad Asni & Jasni Sulong. (2017). Wakaf Tunai dan Aplikasinya dalam Undang-Undang di Negara ASEAN. *Jurnal Syariah*, 25(2), 217-246
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. (2007). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia. *Islamiyyat* 29: 53-70.
- Haslindar Ibarahim, Afizar Amir & Tajul Ariffin Masron. (2013). Cash Waqf: An Innovative Instrument for Economic Development. *International Review of Social Sciences and Humanities* 6: 1-7
- Hassan, S. H. M., Mustapha, R., Mahmud, M., Malkan, S. N. A., & Hassan, N. H. C. (2021). The Influence of Promotion and Waqf Knowledge toward Cash Waqf Awareness in Pahang Region. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4), 1252–1260
- Mas Nooraini Hj Mohiddin (2020) Kredibiliti Wakaf dalam Menangani Isu Pembiayaan Pengajian Tinggi. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*. 2(4),9-21
- Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani, Noor Inayah Yaakub & Mohamad Khairul Izwan Rifin. (2017). Wakaf Pendidikan di Malaysia: Suatu Pengenalan. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017.
- Muhammad Sofiyuddin Zakarian & Mohd Zamro Muda. (2017). Sorotan Literatur Pelaksanaan Wakaf Tunai di Malaysia. *Islamiyyat* 39(1): 39-46
- Nadiah Zulkiflee, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2015). Kesedaran Terhadap Wakaf Tunai: Kajian Di Besut, Terengganu. In Proceeding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2(2011): 1–9.
- Noor Hidayah Zainudin, Peranika Heriranto, Zuraidah Zainol, Juliana Osman @ Zainal Abidin (2020) Pengaruh Peletakan Pasaran Institusi Pengajian Tinggi terhadap Wakaf Pendidikan. *Management Research Journal*. 9(1), 28-39
- Ram Al Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md. Idris & Md Hairi Md Hussain. (2010). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan. *Jurnal Pengurusan* 30 (2010) 49-61
- Siti Nuriatul Husna Mohd Nashruddin & Hairunnizam Wahid. (2019). Pembiayaan rawatan pesakit dialisis melalui dana zakat: kajian terhadap asnaf al-gharimin perubatan tajaan Lembaga Zakat Selangor. *Jurnal Muamalat*. 12
- Syed Muhammad Hilal Azizi Syed Abdul Aziz, Safura Ahmad Sabri & Nur Fikhriah Takril. (2017). Faktor-Faktor Mempengaruhi Sumbangan Wakaf Tunai di KUIS. Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017): 362-372
- Yusuff Jelili Amuda & Nor Azizan Che Embi. (2013). Alleviation of Poverty among OIC Countries through Sadaqat, Cash Waqf and Public Funding, *International Journal of Trade, Economics and Finance*. 4(6): 403- 408